



**TEKS UCAPAN  
YBRS.TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 8/2022**

**30 OGOS 2022 | SELASA**

**09:00 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

**Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman**  
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**  
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**  
Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,  
Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis **MPS Bil.8/2022 bagi bulan Ogos** pada pagi yang berbahagia ini.

## **1. UCAPAN TAHNIAH YAD TAN SRI MENDAPAT GELARAN DOKTOR FALSAFAH**

- 1.1 Pertama sekali saya dan seluruh warga MPS ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak merangkap Ahli Majlis MPS yang telah menerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Transformasi Komuniti dan Dakwah Islam.
- 1.2 Anugerah ini telah disampaikan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah selaku Ketua Perlembagaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 13 Ogos yang lalu di Majlis Konvokesyen Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ke-37.
- 1.3 Sekali lagi saya ucapkan tahniah diatas anugerah yang diterima. Semoga ianya menjadi inspirasi kepada kita semua.

## **2. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

- 2.1 Untuk makluman, sehingga 31 Julai 2022, MPS telah berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2022 sebanyak RM 66.48 juta (62.54%) daripada RM 106.30 juta.
- 2.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 6.128 juta (76.61%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 8 juta.

## **3. TINDAKAN WARAN TAHANAN CUKAI TAKSIRAN DAN KEMPEN KUTIPAN TUNGGAKAN KAWASAN YANG DIKECUALIKAN CUKAI**

- 3.1 Untuk makluman, MPS kini telah memulakan proses tindakan sitaan / rampasan harta alih bermula pada **1 Julai 2022** setelah tamat tempoh penghantaran 2,622 waran tahanan.
- 3.2 Bagi pemilik / penduduk yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas 7 hari waran diserahkan, MPS akan melaksanakan tindakan sitaan apa jua harta alih di dalam premis tersebut dan operasi ini akan dijalankan setiap minggu.

- 3.3 Oleh itu, orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran.
- 3.4 Selain itu, MPS masih meneruskan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi kawasan kampung dan rumah kos rendah yang mendapat pengecualian cukai.
- 3.5 Disini saya juga ingin memberi peringatan kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan untuk membuat bayaran secara penuh bagi membolehkan anda mendapat pembatalan waran tahanan dan caj yang dikenakan sebanyak 100% sebelum 31 Disember ini.

#### **4. BIL CUKAI TAKSIRAN PENGGAL 2/2022**

- 4.1 Untuk makluman juga, MPS telah menghantar bil cukai taksiran bagi penggal 2/2022 secara digital iaitu melalui emel dan khidmat pesanan ringkas (SMS). Semakan dan bayaran bil cukai taksiran boleh dilakukan di <https://mymps.mps.gov.my>. Tarikh akhir bagi bayaran cukai taksiran adalah pada **31 Ogos 2022**.

4.2 Disini saya ingin maklumkan bahawa orang ramai masih boleh membuat bayaran cukai pada hari akhir di kaunter bayaran di Ibu Pejabat MPS dan Kaunter Cawangan Rawang yang dibuka bermula jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengahari pada 31 Ogos 2022 ini.

## **5. CABUTAN BERTUAH KEPADA PEMBAYAR YANG MEMBUAT BAYARAN MELALUI MYMPS TAHUN 2022**

- 5.1 Selain itu, MPS juga bersempena Sambutan Ulangtahun ke-25 kini sedang mengadakan Program Cabutan Bertuah kepada pembayar MPS yang membuat bayaran melalui portal MyMPS. Pembayaran bil cukai taksiran, lesen, sewaan, permit dan kompaun yang dibuat melalui portal MyMPS layak menyertai program cabutan bertuah ini.
- 5.2 Untuk makluman, tarikh tamat program ini adalah pada **31 Ogos 2022** iaitu pada hari esok. Oleh itu, masih ada peluang kepada anda semua untuk membuat bayaran menerusi sebarang transaksi melalui portal MyMPS. Orang ramai boleh membuat semakan dan bayaran bil-bil tersebut melalui portal [mymps.mps.gov.my](http://mymps.mps.gov.my).

## **6. SESI PENILAIAN KEBANGSAAN BAGI GOMBAK-HULU LANGAT GEOPARK (GHL GEOPARK) PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

- 6.1 Untuk makluman, sesi Penilaian Kebangsaan bagi Gombak-Hulu Langat Geopark (GHL Geopark) peringkat Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan pada **17 Ogos 2022**, di tiga buah lokasi penilaian iaitu Pekan Batu Arang, Taman Ekstrem Gua Damai dan Batu Caves. Program ini dijalankan selama 4 hari dan melibatkan 13 stesen di daerah Gombak dan Hulu Langat.
- 6.2 Sesi penilaian ini adalah sebagai inisiatif yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor semenjak tahun 2019 dan merupakan langkah permulaan yang signifikan sebelum ke arah pengiktirafan sebagai UNESCO Global Geopark (UGGp) yang disasarkan pada tahun 2025.
- 6.3 Disini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan sesi penilaian ini. Diharapkan sesi penilaian Gombak-Hulu Langat Geopark ini akan memberikan keputusan positif seterusnya menggandakan jumlah kedatangan pelancong, meningkatkan pendapatan

serta resit pelancongan, merancakkan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam sektor pelancongan khususnya.

## 7. BENGKEL HALATUJU PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI MPS

- 7.1 Untuk makluman, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan telah mengadakan Bengkel Halatuju Pengurusan Sisa Pepejal di MPS pada **24 hingga 26 Ogos 2022**. Tujuan bengkel ini diadakan untuk membincangkan mengenai hala tuju dalam menangani masalah pengurusan sampah yang dilaksanakan oleh pihak KDEBWM.
- 7.2 Bengkel ini telah melibatkan seramai 39 orang peserta yang terdiri daripada Ahli Majlis, pengarah, pegawai jabatan dan pihak KDEB Waste Management Sdn Bhd.
- 7.3 Hasil daripada bengkel tersebut, MPS telah mengenalpasti punca-punca dan beberapa cadangan penambahbaikan proses sedia ada yang melibatkan pihak MPS, KDEB Waste Management Sdn Bhd dan juga penduduk.

## **8. KARNIVAL EKSTREM GUA DAMAI SEMPENA 25 TAHUN MPS**

- 8.1 Untuk makluman, MPS akan menganjurkan Karnival Ekstrem Gua Damai 2022 pada **10 dan 11 September 2022** bertempat di Taman Ekstrem Gua Damai, Kg Wira Damai.
- 8.2 Pada tahun ini, program Karnival Ekstrem Gua Damai akan menampilkan acara utama iaitu BASE Jump melibatkan penerjun antarabangsa selain beberapa acara sukan ekstrem sepanjang dua hari pengajuran program ini.
- 8.3 Antara aktiviti sukan yang akan diadakan sepanjang program ini berlangsung adalah :
  - Base Jump
  - Rock Climbing
  - Flying Fox kanak-kanak
  - Jumaring
  - Tree Climbing
  - Abseiling
  - Slackline
  - Paint ball
  - Roller Blade

8.4 Diharapkan agar program ini berjalan lancar seperti yang dirancang dan disini saya menjemput semua warga Selayang untuk bersama-sama hadir bagi memeriahkan program ini.

## **9. PROGRAM EKSPLORASI SELAYANGKU SAYANG**

- 9.1 Untuk makluman semua, Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama Kelab Sukan Dan Kebajikan MPS akan mengadakan Program Eksplorasi Selayangku Sayang bersempena Sambutan 25 Tahun MPS.
- 9.2 Program ini akan diadakan pada 8 Oktober 2022 bertempat di Lobi Menara MPS yang melibatkan penyertaan daripada 24 Zon JKP dan jemputan kepada 16 agensi daerah.
- 9.3 Oleh itu, disini saya berharap agar semua Ahli Majlis dapat menghantar pasukan daripada Zon JKP masing-masing untuk menyertai program ini.
- 9.4 Borang penyertaan akan diedarkan pada **30 Ogos 2022** dan tarikh tutup penyertaan adalah pada 12 September 2022.

## **10. AMARAN RIBUT PETIR**

10.1 Dikesempatan ini, saya ingin mengingatkan kepada semua mengenai ramalan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) yang meramalkan cuaca signifikan hujan lebat dan ribut petir di seluruh negara dalam tempoh **27 hingga 30 Ogos 2022**.

10.2 Oleh itu, saya ingin berpesan kepada semua agar sentiasa berwaspada dan sentiasa peka dengan ramalan cuaca yang dikeluarkan. Pasukan PANTAS MPS juga perlu sentiasa bersedia dan pantas dalam menjalankan tugas serta menyelesaikan aduan terutamanya sepanjang fasa peralihan monsun ini.

## **11. UCAPAN KEMERDEKAAN**

11.1 Pada tahun ini, Negeri Selangor telah memilih tema **#KitaSelangor Teguh Bersama** menjadi tema Hari Kebangsaan ke-65 yang membawa maksud kebersamaan dan keberanian rakyat di pelbagai peringkat dalam menghadapi cabaran melanda.

11.2 Sebagai rakyat Malaysia dan warga MPS yang mensyukuri nikmat kedamaian, bebas daripada penjajah, kita perlu sentiasakekalkan semangat kenegaraan dalam diri dengan mempertahankan kemerdekaan dan mengekalkan semangat bersatu padu tanpa mengira kaum dan bangsa.

11.3 Dikesempatan ini juga, saya menyeru kepada semua untuk mengibarkan Jalur Gemilang di premis-premis perniagaan, rumah dan dimana-mana tempat yang bersesuaian sehingga 16 September dengan penuh kebanggaan.

11.4 Saya juga ingin menyeru kepada semua agar marilah kita bersama-sama menghayati erti sebuah kemerdekaan, menghargai keamanan yang kita kecapi sekarang dan mengenang jasa-jasa pejuang terdahulu.

## **12. AMBANG KEMERDEKAAN**

12.1 Sempena bulan kemerdekaan yang bakal disambut pada 31 Ogos 2022 ini, Sambutan Hari Kebangsan peringkat Negeri Selangor akan diadakan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam pada **30 Ogos 2022** pada jam 8.30 malam.

12.2 Di kesempatan ini, saya ingin memanjangkan jemputan Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri ini kepada tuan puhan semua bagi memeriahkan majlis ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh